

RM510 juta untuk pulih, bersih sungai

TAIPING: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan menggunakan peruntukan RM510 juta yang disediakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi melaksanakan projek perintis membersih sungai menerusi program 'Satu Sungai Satu Negeri'.

Ketua Pengarahnya, Datuk Keizrul Abdullah, berkata projek itu bertujuan membersih dan memulihkan sungai yang dipilih supaya keadaan kembali seperti asal tanpa perlu membina tebing konkrit.

"Kriteria pemilihan ialah sungai paling penting bagi sesebuah negeri atau sungai paling tercemar.

"Pemilihan sungai itu akan dibuat dengan kerjasama kerajaan negeri. Sebagai contoh di Perak, kerajaan menetapkan Sungai Kinta untuk projek contoh ini," katanya pada sidang media selepas perasmian Seminar Sumber Air dan Alam Sekitar di Bukit Merah Laketown Resort (BMLR) dekat sini, semalam.

Perasmiannya disempurnakan Exco Kesihatan Sains, Teknologi dan Alam Sekitar negeri, Datuk Tan Chin Meng, yang mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Tajol Rosli Ghazali.

Keizrul berkata, menerusi program itu, sungai terbabit akan dipulihkan dari aspek kebersihan, fizikal sungai, mengekalkan hidupan air serta memiliki nilai tinggi daripada aspek ekonomi, rekreasi atau pelancongan.

Katanya, program berkenaan penting kerana 97 peratus daripada keperluan air minuman, pengairan dan industri di negeri ini berpunca daripada air sungai.

Keizrul berkata, kerajaan juga memperuntukkan RM4 bilion untuk program tebatan banjir di seluruh negara dalam RMK-9.

Katanya, ia adalah peruntukan fasa pertama kerana kos keseluruhannya dianggarkan RM19 bilion.

"Kita akan memulakan program tebatan banjir di Sungai Klang bagi mengatasi masalah banjir di Selangor dan Wilayah Persekutuan serta Sungai Muda bagi kawasan Kedah dan Pulau Pinang.

"Kita juga akan mendalamkan Sungai Damansara, mengukuhkan tebing dan benteng yang pecah serta menyediakan kolam takungan air bagi menangani masalah banjir kilat di Shah Alam," katanya.